

# Ahmad Orabi

(4)

Mula menyalanya pemberontakan- peristiwa Istana Qaṣr al-Nīl- kemenangan Orabi yang pertama- Orabi dan kaunsel-kaunsel asing-Menteri Perang letak jawatan  
(Oleh Abdul Rahman al-Rafie)

## Mula Menyalanya Pemberontakan

Ahmad Orabi telah menulis surat tuntutan supaya Menteri Perang dipecat daripada jawatannya. Setelah dibacakan kepada rakan-rakan. Mereka pun bersetuju lalu bermesyuarat bagaimana hendak menjaga keselamatan diri sekiranya kerajaan menjalankan tindakan yang ganas bagi menghancurkan apa yang mereka telah rancangkan itu.

Persidangan itu boleh dikatakan menjadi permulaan yang menyalakan pemberontakan anjuran Ahmad Orabi, kerana persediaan pegawai-pegawai tentera sesame sendiri. Sikap mereka berterus-terang memusuhi Menteri Perang dan menuntut supaya dia dipecat. Semuanya itu bermakna mencabar kerajaan.

Pada keesokan harinya- 17 Januari 1881- Ahmad Orabi bersama-sama dengan dua orang rakan sejawatnya telah pergi ke pejabat Menteri Dalam Negeri lalu menyampaikan surat tuntutan itu kepada wakil ketua jabatan tersebut dan meminta supaya disampaikan kepada Perdana Menteri Riyadh Basha.

## Peristiwa Istana Qaṣr al-Nīl

Pada 31 Januari 1881 Jemaah Menteri Mesir telah

bersidang di Istana Abidin dengan diketuai oleh Khedive, lalu, membahaskan surat tuntutan Ahmad Orabi. Kesudahannya mesyuarat telah mengambil keputusan supaya ketiga-tiga pegawai tentera itu (Ahmad Orabi dan rakan-rakannya) ditangkap dan dibicarakan di hadapan majlis tentera. Apabila mereka ditangkap (dengan suatu helah sesudah dijemput ke istana) maka pegawai-pegawai dan pasukan tentera yang telah bersumpah hendak sehidup semati dalam menjayakan rancangan yang telah diatur itu telah naik berang lalu mereka bersegera mengepung istana Qaṣr al-Nīl dan berjaya melepaskan Ahmad Orabi dan rakan-rakannya yang sedang ditahan itu.

## Kemenangan Orabi yang Pertama

Angkatan tentera yang telah keluar membela Ahmad Orabi dan berkumpul dengan penuh sesak di medan Abidin sudah cukup bagi menggerunkan hadi Khedive dan orang-orangnya. Khedive pun memanggil menteri-menterinya lalu bermesyuarat mengenai apa yang patut dilakukan terhadap gerakan pemberontakan itu. Mahmud Sami Basha al-Barudi pun mengesyorkan supaya tuntutan Ahmad Orabi dan rakan-rakannya itu diterima

kerana mereka masih taat setia kepada Khedive. Nasihat

itu telah diturut oleh Khedive Taufiq.

Pada hari itu juga Uthman Basha Menteri Perang telah meletakkan jawatannya lalu digantikan oleh Mahmud Basha al-Barudi. Dengan kejadian yang tersebut pihak tentera Mesir telah mendapat tiga kemenangan serentak pada hari itu: Pertama membebaskan Ahmad Orabi dan rakan-rakannya, kedua memecat Menteri Perang yang menjadi musuh mereka, dan ketiga menyerahkan jawatan Menteri Perang itu kepada al-Barudi penyokong mereka yang telah berkekal memberi sepenuh-penuh sokongan di sepanjang-panjang masa pemberontakan.

### **Orabi dan Kausel-kausel Asing**

Sebaik-baik sahaja mendapat kemenangan yang tersebut, Ahmad Orabi telah menulis surat kepada kausel-kausel Inggeris dan Perancis di Mesir, menyatakan bahawa tindakan yang telah diambilnya ialah tindakan yang halal, memandang kepada langkah-langkah kerajaan yang sentiasa menindas pegawai-pegawai anak negeri.

Oleh kerana kausel Perancis kelihatan cenderung bertimbang rasa kepada Orabi dan rakan-rakannya maka Khedive dan Perdana Menteri Riyadh Basha telah mengadakan perkara itu kepada kerajaan Perancis yang berakhir kausel Perancis telah ditukar lalu meninggalkan Mesir dan dengan itu menanglah pihak Khedive yang disokong oleh Inggeris.

Dengan tujuan hendak mengambil hati pihak pegawai-pegawai tentera dan penganjur mereka Ahmad Orabi, Khedive Taufiq pun menjemput mereka dalam suatu jamuan di istana lalu berucap menerangkan yang mereka telah diampunkan dan berpesan supaya mereka menjaga disiplin dan taat kepada kerajaan. Nasihat itu telah diterima dengan baik oleh pihak Orabi, lalu berikrar taat setia.

Tetapi rupanya ucapan-ucapan yang manis itu tidak dapat menjernihkan hati pihak Ahmad Orabi dan rakan-rakannya kerana mereka masih menaruh curiga dan tidak alpa terhadap gerak langkah kerajaan. Hal yang demikian menyebabkan perhubungan di antara kedua pihak bertambah tegang.

Semenjak itu beberapa mesyuarat telah diadakan oleh mereka di rumah Ahmad Orabi lalu mengambil keputusan menulis surat rayuan kepada kerajaan supaya mereka mendapat perhatian dan mendapat layanan yang baik. Gaji, naik pangkat dan makanan yang disediakan oleh dapur tentera sayugia diatur menurut cara yang memuaskan.

Kebanyakan tuntutan mereka telah diisi oleh kerajaan manakala Mahmud Sami al-Barudi Menteri Perang telah membawa soal mereka dalam mesyuarat majlis Jemaah Menteri dan meminta supaya diadakan undang-undang yang memperbaiki nasib tentera.

Pendeknya dengan baik tadbir Menteri Perang, perhubungan pihak tentera dengan kerajaan telah berjalan dengan baik tetapi tidak lama.

Dalam bulan Julai 1881 suatu kejadian telah berlaku yang menyebabkan terputusnya perhubungan di antara pegawai-pegawai tentera dengan kerajaan. Kejadian itu berpunca dari sebuah kereta yang dipunyai oleh seorang saudagar di Iskandariah yang dibawa oleh seorang drebar bangsa Eropah telah melanggar seorang askar bangsa Mesir dan berakhir telah mati di hospital. Oleh kerana kejadian itu berlaku di hadapan Istana Khedive yang kebetulan baginda berada di Iskandariah pada hari itu maka rakan-rakan Si Malang dari golongan tentera telah mengusung rakan mereka yang telah kemalangan itu lalu membawanya mengadap Khedive di istananya dengan tujuan hendak bermohon supaya drebar yang bersalah itu dihukum dengan seberat-beratnya.

Langkah mereka yang demikian sudah melanggar disiplin tentera, kerana kejadian yang seperti itu tidak patut dibawa di hadapan Khedive, dan kedatangan mereka ke istana dengan cara yang demikian adalah menyinggung kehormatan Khedive. Murkalah baginda lalu diperintahkan supaya mereka dihalau. Mereka pun meninggalkan istana. Tidak berapa antaranya mereka telah didakwa dan dibicarakan lalu dihukum tiap-tiap seorang tiga tahun dan ketua mereka telah dijatuhkan penjara seumur hidup.

Hukuman yang kejam itu telah melukakan hati tentera lalu mereka mengadakan perkara itu kepada Menteri Perang dan meminta supaya hukuman yang kejam itu ditimbang dengan adilnya. Rayuan mereka telah disampaikan oleh Menteri Perang kepada Khedive, malangnya rayuan itu bukan dapat timbangan bahkan Khedive sekarang telah murka dan berakhir

Menteri Perang pula terpaksa meletak jawatan.

Langkah Khedive yang demikian menyebabkan Ahmad Orabi dan rakan-rakannya merasa cemas kerana Khedive mulai menggunakan kuku besinya, lebih-lebih lagi tidak berapa antaranya keluarlah perintah yang menghendaki semua pegawai tentera jangan meninggalkan tempat masing-masing dan tidak dibenarkan mereka berkumpul. Mereka telah diberi amaran, kiranya didapati dua orang atau lebih berkumpul di bandar Qaherah maka mereka akan ditangkap dan dihukum, dan barangsiapa bercakap berkenaan politik akan dihukum penjara.

Mendengar perintah yang demikian, Ahmad Orabi dan rakan-rakan seperjuangannya telah berazam hendak menentang bahkan mereka sedia menentang lantikan Menteri Perang yang baharu.

-bersambung

TELEPHONE ١٦١

Pelajaran Arab  
Pelajaran Agama  
Pelajaran Inggeris

**Belajarliah dengan Pos**

pelajaran agama	sebulan	\$3.00
pelajaran Arab	sebulan	\$3.00
pelajaran Inggeris	sebulan	\$3.00

pelajaran dengan pos tiap-tiap minggu  
penuntut-penuntut baharu diterima  
kirim wang terus kepada:-

tak payah kalau pergi sekolah  
tuan boleh belajar di rumah sahaja

**YAHYA ARIFF 37 JALAN KANGSAR KUALA KANGSAR**